

BULETIN AKADEMI PROFESOR MALAYSIA

VOL 2 | ISU 3
JULAI - SEPTEMBER 2023



Akademi Profesor
MALAYSIA



BULETIN RASMI
AKADEMI PROFESOR MALAYSIA

**Sidang
Redaksi**

Penasihat

Prof Dato' Ir. Dr. Mohd Saleh Jaafar

Ketua Editor

Prof (B). Dr. Rose Alinda Alias

Editor & Reka Bentuk Grafik

Cik Beatrice Anne Saga

Pegawai Komunikasi

Puan Nai'mah Isa

Nota Ketua Editor

Assalamualaikum wbkth dan Salam Sejahtera.

Setinggi-tinggi syukur ke hadrat Illahi kerana Buletin APM Vol2 Isu3 yang melaporkan aktiviti yang dilaksanakan APM dari bulan Julai 2023 sehingga bulan September 2023 (iaitu suku ke3 tahun 2023) dapat diterbitkan mengikut perancangan. Kesemua Sidang Meja Bulat (RTD) daripada Kluster ASK, AFK, PPI, KSPN, PSM, dan EKS yang dirancang telah pun dilaksanakan dengan jayanya sebagai persediaan bagi Konvensyen Akademia 2023 (KA23) yang akan diadakan pada 6 dan 7 Oktober 2023 di mana mereka akan membentangkan kertas pendirian APM.

Penerbitan Buletin APM buat kali ke4, membawa kepada 4 buletin keseluruhannya adalah tepat seperti yang dijanjikan. Ia juga merupakan bukti bahawa APM telah melaksanakan aktiviti-aktiviti bagi memenuhi misi dan objektif penubuhannya. Sekurang-kurangnya lapan dari sebelas kluster telah mengadakan mesyuarat peringkat kluster. APM mengucapkan tahniah kepada Prof Rosna Hashim selaku Pengerusi kluster PPI kerana berjaya melaksanakan tujuh aktiviti berbeza sepanjang suku ke2 ini. APM juga mengucapkan Tahniah kepada Prof Nordin Yahaya yang telah melaksanakan sebanyak tiga aktiviti dalam suku ke2 ini walaupun baru sahaja dilantik Majlis APM menjadi Pengerusi Kluster STI pada 16 Jun 2023.

Suku ini juga merupakan suku terakhir bagi pasukan Ahli Majlis sesi 2021/2023. Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke5 (MAT5) yang bakal diadakan pada 7 Oktober 2023 akan menyaksikan pasukan Majlis APM yang baharu iaitu bagi sesi 2023/2025. Pada kesempatan ini saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Majlis Sesi 2021/2025 yang telah memberikan kerjasama padu dalam saya melaksanakan tanggungjawab sebagai Setiausaha Agung APM Sesi 2021/2023. Maaf dipohon di atas segala salah silap yang mungkin telah tidak sengaja dilakukan dalam melunaskan tanggungjawab sebagai SUA APM sepanjang dua tahun ini.

Saya juga merakamkan ucapan terima kasih tidak terhingga kepada Cik Beatrice Anne Saga yang telah mencapai sasaran tugas beliau bagi menerbitkan buletin ini sebagai medium komunikasi utama antara APM dan semua ahli. Terimakasih juga kepada Puan Nai'mah Isa (SUK APM) yang menyediakan deraf kandungan dan format bagi buletin ini. Sesungguhnya tanpa usaha dan kerjasama mereka berdua, buletin ini tidak akan terhasil.

Prof (B). Dr. Rose Alinda Alias
Setiausaha Agung Akademi Profesor Malaysia



Isi Kandungan

Kata Alu-Aluan Presiden	3
Jaringan (Kunjungan Hormat: Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Data Peribadi)	4
Mesyuarat Mesyuarat Majlis	5
Mesyuarat Mesyuarat Pengurusan	6
Mesyuarat Mesyuarat Kluster	7
Syarahan Fellow Prof (B) Datuk Ir Dr. Wahid Bin Omar 22 Years of "Servantship" Journey - Some Lessons Learned	8
Syarahan Fellow Prof Dr. Ahmad Zaharin Aris Microscopic Threat: The Silent Impact of Microplastics and Emerging Contaminants on Health and Environment	9
Sidang Meja Bulat PPI: Kewibawaan Akademia	10
Sidang Meja Bulat STI: Tadbir Urus Digital: Transformasi dan Inovasi Ekosistem	11
Sidang Meja Bulat AFK: Islam dan Keharmonian Masyarakat Malaysia Madani	12
Penyertaan Science, technology, Innovation and Economy (STIE) Talent as Enabler Towards Malaysia Madani Tarikh: 8 Ogos 2023	13
Penyertaan "Visioning Workshop" bagi Kajian Pembangunan Dasar dan Pelan Tindakan Pendigitilan Pendidikan Tinggi 2023-2030. Tarikh: 14 September 2023	14
Penerbitan (Media Massa) Tajuk: Ambil Iktibar Bencana Kepada Orang Miskin, Bernasib Malang Penerbit: Berita Harian 16 September 2023	15
Ucapan Tahniah	16
Poster Aktiviti & Program APM	17
Makluman Awal Konvensyen Akademia 2023	18
Keahlian: Status 30 September 2023	19
Takrifan & Akronim	20
Sertai Kami	21

Kata Alu-Aluan Presiden

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan
Salam Sejahtera.*



Prof. Dato' Ir. Dr. Mohd Saleh Jaafar
Presiden Akademi Profesor Malaysia

Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi kerana Buletin APM Vol2 Isu3 ini dapat diterbitkan dengan jayanya. Ribuan terima kasih diucapkan kepada ahli Sidang Redaksi Buletin APM kerana masih meneruskan usaha keterlihatan APM menerusi penerbitan buletin ini.

Buletin ini secara objektifnya mengumpulkan dan melaporkan segala aktiviti dan kemajuan APM. APM komited dalam usaha advokasi dengan program-program seperti Syarahan Fellow, Wacana APM dan Sidang Meja Bulat (RTD) dengan tajuk dan perbincangan yang berkait dengan isu semasa.

Pada suku ini, APM meluaskan jaringan dengan Kementerian Komunikasi dan Digital melalui Kunjungan Hormat ke atas Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Data Peribadi, KKD bagi membincangkan isu yang tidak asing namun kritikal dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Pada suku ini juga, APM telah melaksanakan segala perancangan rapi bagi menjayakan Konvensyen Akademia 2023 (KA23) yang akan berlangsung pada 6 & 7 Oktober 2023, sebelum Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke 5 (MAT) di Putra Business School, UPM Serdang. KA23 akan membawakan ucaptama daripada Prof Emerita Datuk Dr Asma Ismail dan Pembentangan Kertas Putih dan Kertas Pendirian APM hasil daripada Sidang Meja Bulat (RTD) yang telah diadakan semenjak bulan Mac 2023.


Saya mengambil kesempatan untuk menjemput semua Ahli APM ke KA23 dan MAT5. Marilah kita bersama menjayakan platform perkongsian ilmu ini dan bersua muka bagi membina hubungan yang lebih baik demi kesejahteraan dan pembangunan pendidikan di negara kita yang tercinta.

Sekian
Salam Hormat.

Jaringan

Kunjungan Hormat Kepada Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Data Peribadi

YBhg. Profesor Dr Mohd Nazri bin Kama
13 Julai 2023 | 2.30 Petang



AGENDA 1: SYOR APM

1. Menggubal akta khas buli siber.
2. Melindungi hak asasi kanak-kanak.
3. Polisi dan garis panduan di sekolah.
4. Gabungan bertindak anti-buli siber negara.
5. Penggunaan Cyber social risk index (CSRI).
6. Penyelidikan rangkaian media - CyberSAFE dan agensi.


DELEGASI APM:

1. Prof. Dr. Mohd Cairul Iqbal Mohd Amin
Pengerusi Kluster Perubatan dan Kesihatan
2. Prof. Dr. Nordin Yahya
Pengerusi Kluster Sains, Teknologi dan Inovasi
3. Prof. Dr. Shaiful Bahari Ismail
4. Prof. Madya Dr. Asrenee AB Razak
5. Prof. Madya Dr. Azizah Othman
6. Dr Bahma a/p A Sivasubramaniam
7. Cik Beatrice Anne (Urusetia APM)

Mesyuarat

Mesyuarat Majlis Bil 8.

Sesi 2021/2023 (8 September 2023 | 9.00 Pagi)



Dalam gambar (dari kiri atas): Prof Nordin Yahya (STI), Prof Mohd Cairul Iqbal (PK), Prof Emeritus Dato Dr Tengku Mohd Tengku Sembok (KP), Prof Mohamad Kamal Harun (GKHA), dan Prof Zulkifly (wakil KP).

Dalam gambar (dari kiri bawah): Prof Joshua Chin (KSPN), Prof Abdullah Mat Zin (Bendahari), Prof Dato Saleh Jaafar (Presiden), Prof Rose Alinda Alias (SUA), Prof Rosna Awang Hashim (PPI), dan Prof Rosylin (EKS).

Mesyuarat Majlis Bil ke8, Akademi Profesor Malaysia (APM) telah dipengerusikan oleh Prof. Dato' Ir. Dr. Saleh Jaafar, Presiden APM dan dihadiri oleh tiga belas (9) daripada lima belas (15) orang Ahli Majlis, dan dua (2) timbalan pengerusi wakil daripada Kluster Pertahanan dan Keselamatan. Selain daripada Laporan Keahlian, Laporan Kewangan serta Laporan Program & Aktiviti sepanjang bulan Julai 2023 sehingga September 2023, dua (2) kertas kerja turut dibentangkan untuk diluluskan oleh Ahli Majlis.

Senarai Kertas Kerja:

- 1.KK Majlis Bil 8.1 Peraturan Pemilihan Ahli Jawatankuasa APM
- 2.KK Majlis Bil 8.2 Kenaikan Gaji Staf APM

Mesyuarat

Mesyuarat Pengurusan Bil 17.

Sesi 2021/2023 (4 Ogos 2023 | 10.00 Pagi)



Dalam gambar (dari kiri): Prof Dato Ibrahim Komoo (Timbalan Presiden), Prof Dato Saleh Jaafar (Presiden), Prof Rose Alinda (SUA), Prof Khairiyah Mohd Yusof (PSUA), dan Prof Abdullah (Bendahari).

Mesyuarat Pengurusan Bil ke17 Akademi Profesor Malaysia (APM) yang dipengerusikan oleh Prof. Dato' Ir. Dr. Saleh Jaafar, Presiden APM telah dihadiri oleh empat (4) orang ahli pengurusan, serta dua (2) orang urus setia. Selain dari Laporan Keahlian, Laporan Kewangan dan Laporan Program & Aktiviti sehingga bulan Jun 2023, satu (1) kertas kerja turut dibentangkan untuk kelulusan mesyuarat.

Antara agenda lain mesyuarat pengurusan adalah:

- Status persediaan Mesyuarat Majlis Bil8 pada 8 September 2023.
- Status persediaan Konvensyen Akademia 2023, perbincangan maklumbalas KPT bagi Konvensyen Akademia 2023.
- Status persediaan MAT5 APM 2023, gerak kerja pencalonan Ahli Majlis APM Sesi 2021/2023.
- Deraf laporan tahunan 2023.
- Deraf penulisan buku siri syarahan APM.


Mesyuarat

Mesyuarat Kluster 2023



Pendidikan & Pembangunan Insan (PPI)

1. Mesyuarat Kluster Bil. 1 | 6 Januari 2023
2. Mesyuarat Kluster Bil. 2 | 9 Mac 2023
3. Mesyuarat JK Khas Kewibawaan Akademia Bil.1 | 11 April 2023
4. Mesyuarat JK Kerja Kewibawaan Akademia Bil.1 | 18 April 2023
5. Mesyuarat JK Kerja Kewibawaan Akademia Bil.2 | 22 Mei 2023
6. Mesyuarat JK Khas Kewibawaan Akademia Bil.2 | 23 Mei 2023
7. Mesyuarat Kluster Bil.3/2023 | 3 September 2023



Sains, Teknologi & Inovasi (STI)

1. Mesyuarat Kluster Bil.1/2023 | 7 Januari 2023
2. Mesyuarat JKK Bil.1/2023 | 18 Mac 2023
3. Mesyuarat JKK Bil.2/2023 | 29 Mei 2023
4. Mesyuarat JKK Bil.3/2023 | 12 Julai 2023



Perubatan & Kesihatan (PK)

1. Mesyuarat Kluster Bil.1/2023 | 17 Januari 2023
2. Mesyuarat Kluster Bil.2/2023 | 5 April 2023
3. Mesyuarat Kluster Bil.3/2023 | 14 Jun 2023



Ekonomi & Kesejahteraan Sosial (EKS)

1. Mesyuarat JKK Bil.1/2023 | 20 Februari 2023
2. Mesyuarat JKK Bil.2/2023 | 6 Jun 2023
3. Mesyuarat JKK Bil.3/2023 | 5 Julai 2023



Kesepaduan Sosial & Perpaduan Nasional (KSPN)

1. Mesyuarat Kluster Bil.1/2023 | 11 Mei 2023
2. Mesyuarat Kluster Bil.2/2023 | 24 Mei 2023
3. Mesyuarat Kluster Bil.3/2023 | 7 September 2023



Alam Sekitar & Kelestarian (ASK)

1. Mesyuarat Pasukan Bertindak Bil.1/2023 | 16 Februari 2023
2. Mesyuarat Pasukan Bertindak Bil.2/2023 | 19 Mac 2023



Pertanian & Sekuriti Makanan

1. Mesyuarat JKK Bil.1/2023 | 17 Mei 2023



Keselamatan & Pertahanan

1. Mesyuarat Kluster Bil. 1 | 6 Julai 2023

Syarahan Fellow

Prof (B) Datuk Ir Dr. Wahid Bin Omar

22 Years of "Servantship" Journey - Some Lessons Learned.

**"A leader can only
be great with a
great team"**

Lesson 1: Leadership

"4S Leadership"

Sense of mission

Leadership position is an "amanah" for us to achieve our mission.

Struggle

Leadership is struggle to overcome challenges, and hardships

Sacrifices

Leaders prepare to sacrifice throughout the journey

Sincerity

Sincerity will heal the pain and sustain the energy

Lesson 2: Vision, Mission and Values

Stay true to our philosophy, values, vision and mission.

Lesson 3: People and Institutional Excellence

Work, career, business is a significant part of our life and counted as "ibadah."

Lesson 4: Governance

What makes a university great?

Combination of freedom, autonomy and leadership.

Lesson 5: Financial Sustainability

- Emolument only 90%, zero budget for operation
- 'Real cut' - 50% and immediate actions
- Termination of international contract staff and re-appointed for 1 year, with adjusted perks, minus 'end of contract benefit'



Prof (B) Datuk Ir Dr. Wahid Bin Omar
Speaker

22 years of
Servantship journey

1993-2008: Faculty of Civil Engineering

1993-1995: Head, Prestressed Lab

1995-1998: Phd

9 years: Head of Department, Deputy Deans (4 positions, 1+3+5+few months)

2008-2020: UTM

2008-2011: Director, Office of Development and Assets

2011-2013: Deputy Vice-Chancellor (Development)

2013-2020: The Vice Chancellor

Syarahan Fellow

Prof Dr. Ahmad Zaharin Aris

Microscopic Threat: The Silent Impact of Microplastics and Emerging Contaminants on Health and Environment

"The Irony of Immortality"

-Qin Shihuangdi-

In our daily lives, we're surrounded by a myriad of products, from gadgets to non-stick pans, all designed for convenience. Yet, there's a hidden aspect to these everyday items that most of us aren't aware of: the materials they're made of. Take non-stick pans, for instance, a kitchen staple loved for its ease of use. But do we really know what makes them non-stick?

Enter the concept of emerging contaminants, exemplified by chemicals like PFOA (perfluorooctanoic acid) and PFAS (per- and polyfluoroalkyl substances). These substances are not just present in non-stick pans; they're lurking in various consumer products we use daily.

The concern here isn't just about our convenience; it's about the environmental impact of these chemicals. Emerging contaminants like PFOA and PFAS have raised red flags due to their potential harm to the environment. These chemicals can accumulate in food chains, posing a long-term threat.

What's more concerning is that many people remain unaware of the presence of these chemicals in their everyday products. These emerging contaminants have far-reaching implications for both the environment and our health. It's time we shed light on the hidden costs of the items we often take for granted.



Prof. Dr. Ahmad Zaharin Aris
Speaker

The transformation of mercury into its metallic form makes it even more volatile and prone to accumulation within human tissues.

This raises concerns about its impact on human health. Similarly, there's the alarming case of the ITAI ITAI disease, known for causing harm due to exposure to cadmium, a byproduct of human activities linked to industrialization. This condition was first identified in Japan in the 1960s.

Furthermore, we must address issues like Blackfoot diseases and breast cancer, which are linked to chemical exposure in our daily lives. More importantly, we are delving into the realm of chemicals of emerging concern, known as endocrine-disrupting compounds or emerging pollutants in the environment, particularly through the lens of problem tree analysis.

Sidang Meja Bulat

Kluster Pendidikan dan Pembangunan Insan

Tajuk: Kewibawaan Akademika

Tarikh: 22 Julai 2023

Tempat: ID@UiTM, Bandar Enstek



Kertas pendirian bertajuk “Memperkasa Kewibawaan Akademika dalam Mendepani Cabaran Ketidakpastian” ditulis dengan memberi tumpuan kepada isu-isu penting berkenaan kewibawaan akademik. Takrifan kewibawaan diperhalusi dan pernyataan masalah dimurnikan dengan **memberi fokus kepada enam perkara iaitu:**

- (1) Governans
- (2) Budaya KPI
- (3) Jati Diri Akademik dan Budaya Akademika,
- (4) Proses Kenaikan Pangkat
- (5) Budaya dan Ekosistem Pendidikan Tinggi,
- (6) Teknologi dan Perkembangan Global

Cadangan penyelesaian untuk setiap isu dirumus dan dijelaskan dalam bentuk lima belas (15) cadangan. Deraf kertas pendirian seterusnya disiapkan dan diserahkan kepada pengerusi Kluster Pendidikan dan Pembangunan Insan selaku Pengerusi Jawatankuasa Kerja Kewibawaan Akademika

Ahli Panel:

1. **Prof. Emeritus Tan Sri Datuk Dr. Anuwar Ali**
(Fellow Kehormat Akademi Profesor Malaysia)
2. **Tan Sri Datuk Dr. Ghauth Jasmon**
(Fellow Kehormat Akademi Profesor Malaysia)
3. **Prof. Emerita Datuk Dr. Asma Ismail**
(Fellow Kehormat Akademi Profesor Malaysia)

Sidang Meja Bulat

Kluster Sains, Teknologi dan Inovasi

Tajuk: Tadbir Urus Digital: Transformasi dan Inovasi Ekosistem

Tarikh: 29 Ogos 2023

Tempat: Malaysia-Japan International Institute of Technology



Perbincangan meja bulat ini dihadiri oleh sekumpulan pakar yang bertujuan untuk memupuk pemahaman tentang keadaan semasa, mengenal pasti bidang fokus utama, mencadangkan penyelesaian yang berpotensi, dan merangka hala tuju untuk masa hadapan.

Objektif khusus Sidang Meja Bulat:

1. Membangunkan pemahaman yang komprehensif mengenai isu-isu yang menghalang penyampaian perkhidmatan awam berasaskan digital di Malaysia.
2. Menjana senarai strategi dan cadangan dasar yang boleh diambil tindakan bagi memajukan penyampaian perkhidmatan awam berasaskan digital di Malaysia.
3. Menenalpasti perkongsian, kerjasama dan peruntukan sumber yang berpotensi untuk melaksanakan penyelesaian yang dicadangkan.

Ahli Panel:

1. **YBrs. Tuan Fabian Bigar**
(CEO MyDIGITAL)
2. **YBrs. Encik William Lee Kwong Hwa**
(Ketua Bahagian Pembangunan Ekosistem Digital, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia)
3. **YBrs. Puan Khairul Mazwan Ibrahim Pati (Juan)**
(Academia & Public Sector Partnership, Malaysian Research Accelerator for Technology & Innovation (MRANTI))
4. **YBrs. Prof Madya Dr Noormishah A. Iahad**
(Presiden MyAIS)
5. **YBrs. Prof Madya Dr Mohd Hanif Yaacob**
(Pengarah CoE PITAS 2030)
6. **YBrs. Encik Adil Hidayat**
(Pendakwah Teknologi)

Sidang Meja Bulat

Kluster Agama, Falsafah dan Ketamadunan

Tajuk: Islam dan Keharmonian Masyarakat Malaysia Madani

Tarikh: 27 September 2023


Tempat: Zoom



Perbincangan meja bulat ini dihadiri oleh sekumpulan pakar yang membincangkan bagaimana Bangsa Malaysia boleh diintegrasikan dalam kerangka Malaysia Madani


Aspek yang perlu dipertimbangkan:

1. Membincang dan mencadangkan kerangka baharu bagi isu perkauman dan agama dalam konteks Malaysia Madani.
2. Membincangkan bagaimana Rukun Negara sebagai asas bagi memupuk kesefahaman dan perpaduan kaum dan agama boleh diperluaskan dalam konteks Malaysia Madani.
3. Mencadangkan bagaimana usaha-usaha untuk merealisasikan Bangsa Malaysia sejak tahun 1990 dalam konteks Wawasan 2020 dapat diperkukuhkan dalam skonteks Malaysia Madani.



Ahli Panel:

1. **Prof. Dato' Dr Muhammad Nur Manuty**
(Pengerusi Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM))
2. **Prof. Datuk Dr. Azizan Baharudin**
(Pengarah Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya)
3. **Prof. Dato' Dr. Sivamurugan Pandian**
(Ahli Majlis Penasihat Perpaduan Negara)
4. **Dr. Ooi Hean Beng**
(Persatuan Dhammaduta Malaysia, Cawangan Perak)



Penyertaan

Science, Technology, Innovation and Economy (STIE) Talent as Enabler Towards Malaysia MADANI

Tarikh: 8 Ogos 2023

Tempat: Asian International Arbitration Centre Auditorium, Bangunan Sulaiman Jalan Sultan Hishamuddin, Kuala Lumpur.

Anjuran: Akademi Sains Malaysia

15th
General Assembly

**AKADEMI SAINS**
Think Science,
Celebrate Technology,
Inspire Innovation

Science, Technology, Innovation and Economy (STIE) Talent as Enabler Towards Malaysia MADANI

The world is undergoing significant transformation that is reshaping lifestyles, work patterns, and social interactions. These changes create a new economic and social reality where knowledge is now a vital asset in transitioning from an industrial-to a knowledge-based economy. As the technological advancements and global economic trends continue to reshape the world of working, higher education also plays a pivotal role in preparing individuals for future jobs.

To achieve this, all parties in Malaysia's higher education ecosystem must work together to change the approach to teaching and learning, research and innovation, and governance. A major mindset shift is crucial, with science, technology, and innovation (STI) at the core of the country's development, to ensure Malaysia's continued progress.


Scan for
RSVP

Moderator
Professor Dr Abhimanyu
Veerakumaraswami
Provost
Sunway University

Panelist


Mr Tan Eng Tong
Chief Executive Officer
Pewang Skills
Development Centre


Mr Samuel Isaiah
Recipient of Anugerah
Harapan Merdeka 2022
Programme Director of
Pempinpin GSK


Dato' Professor Dr
Elizabeth Lee Fuh Yen
Group Chief Executive Officer
Sunway Education Group



Professor (B) Dr
Rose Alinda Alias
Secretary-General
Akademi Profesor Malaysia

8 August 2023 (Tuesday)
10.00 am – 12.30 pm

Asian International Arbitration Centre
Auditorium, Bangunan Sulaiman
Jalan Sultan Hishamuddin
50000 Kuala Lumpur


Panelist
Professor (B) Dr
Rose Alinda Alias
Secretary-General
Akademi Profesor Malaysia

Science, Technology, Innovation and Economy (STIE) Talent as Enabler Towards Malaysia MADANI
8 August 2023



“Smart Skills and Sharp Skills for Future-Proof Talents”

Creating such talents is crucial. The implication is that a rapidly changing world, driven by advancements in technology and societal shifts, demands individuals who can not only think critically but also act effectively in various contexts. These individuals are more likely to thrive and remain relevant in the future job market.

- **Smart Skills:** Developed in collaboration with humans, as they require social interaction, engagement and intense reflection. Smart skills are associated with social interaction, engagement, and deep reflection. They encompass abilities such as critical thinking, creativity, emotional intelligence, effective communication, teamwork, and adaptability.
- **Sharp Skills:** Co-developed with tools and technologies and requires continuous practice and refinement. Examples of sharp skills include technical proficiencies like coding, data analysis, digital marketing, and specialized expertise in various fields. These skills are crucial for staying competitive in rapidly evolving industries driven by technological advancements.

DELEGASI APM:

1. Prof (B). Dr. Rose Alinda Alias
Setiausaha Agung

Penyertaan "Visioning Workshop" bagi Kajian Pembangunan Dasar dan Pelan Tindakan Pendigitalan Pendidikan Tinggi 2023-2030.

Tarikh: 14 September 2023

Tempat: Hotel Zenith, Jalan P2a, Presint 2, 62000 Putrajaya

Anjuran: Kementerian Pendidikan Tinggi



Objektif bengkel ini adalah untuk:

1. Mendapatkan *baseline* serta gambaran semasa berkaitan landskap pendigitalan pendidikan tinggi;
2. Mengetahui cabaran serta isu-isu yang dihadapi dalam pelaksanaan agenda pendigitalan pendidikan tinggi;
3. Mencadangkan hala tuju pendigitalan tinggi; dan
4. Merangka strategi serta program pendigitalan pendidikan tinggi

Akademi Profesor Malaysia dijemput untuk menyumbangkan idea dalam bengkel pembangunan dokumen tersebut.



DELEGASI APM:

1. **Prof. Ts. Dr. Ali bin Selamat**
Fellow APM | Kluster STI



Penerbitan Media Massa

Tajuk: Ambil iktibar bencana kepada orang miskin, bernasib malang

Sumber: Berita Harian | 16 September 2023

Oleh: Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo

Pengerusi Kluster Alam Sekitar dan Kelestarian (ASK)

11 Sabtu, 16 September 2023

Komentar

11

Ambil iktibar bencana kepada orang miskin, bernasib malang



Pengerusi Kluster Alam Sekitar & Kelestarian, Akademi Profesor Malaysia (APM)

Oleh Prof Emeritus Datuk Ibrahim Komoo
bhrencana@bh.com.my

Gempa bumi berskala kuat melebihi magnitud 6 jarang berlaku di Maghribi. Bencana di Agadir pada 1960 hanya bermagnitud 5.8, tetapi menyebabkan lebih 12,000 orang terkorban.

Terbaru, gempa bermagnitud 6.8 dan episusat berada hanya 70 kilometer di barat daya bandar pelancongan Marrakesh berlaku pada 11.11 malam, 9 September lalu. Banyak bangunan musnah di kawasan pergunungan Atlas berhampiran pusat gempa dan angka korban dilaporkan menghampiri 3,000 orang.

Ketika kejadian, saya bersama 13 rombongan Malaysia berada di Marrakesh, menghadiri Persidangan Antarabangsa Pertubuhan Pendidikan Kebudayaan dan Saintifik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) Global Geopark.

Ketika hendak tidur, kami teras gegaran kecil diikuti gegaran kuat hampir 20 saat dengan bunyi gerakan bangunan mengejutkan.

Sebagai ahli geologi, kami sedar ia disebabkan gempa bumi dan segera keluar ke kawasan lapang. Ramai penghuni hotel sudah keluar, sesetengahnya bergerak pantas dan panik.

Saya meninjau keadaan hotel dan mendapati bangunan dalam keadaan kukuh hanya mengalami retakan kecil. Selepas menunggu sejam, keadaan kembali tenang, saya masuk semula ke bilik hotel.

Sebagai ahli geologi kejuruteraan mengkhusus dalam bidang geobencana, ia pengalaman penting berhadapan gempa bumi berskala kuat. Berita melaporkan banyak berlaku kerosakan bangunan di Marrakesh dan kawasan berhampiran pusat gempa pula, terutama Atlas, beberapa kampung musnah.

Persidangan dihadiri lebih 1,500 peserta dari 50

negara terpaksa ditangguhkan kerana bangunan tempat persidangan mengalami kerosakan dan mungkin berbahaya jika digunakan.

Keesokan hari, kami menyiasat impaknya terhadap Marrakesh. Sebetulnya, dalam keadaan gempa bumi kuat begini, kerosakan dan risiko bencana di bandar perangan itu agak rendah. Beberapa bangunan runtuh, selebihnya retak, tetapi tidak merosakkan struktur bangunan. Hampir semua bangunan dibina berasaskan reka bentuk kejuruteraan baik tidak mengalami kerosakan ketara.

Hanya bangunan lama, kebanyakannya dibina tanpa kerangka struktur terimpak dengan gempa. Ia diperbuat daripada bongkah batuan dan bata tersimen longgar. Keadaan bertambah buruk apabila banyak bangunan dalam keadaan usang kerana usia lama. Runtuhan bumbung dan dinding menjadi penyebab utama kerosakan harta dan kecederaan.

Impak gempa bumi di Atlas amat besar

Di Atlas, keadaannya amat berbeza, impak gempa bumi amat besar. Kebanyakan kematian berlaku di kawasan pergunungan itu. Kami sempat menelusuri lembah sempit merentas Atlas, antara Ourika dan Sitti Fadma.

Sepanjang perjalanan, kami dapati banyak kejadian tanah dan batu runtuh. Ada memusnahkan bangunan dan di beberapa lokasi runtuhan ini menimbulkan sebahagian jalan. Banyak jentera berat membersihkan jalan untuk memperbaiki perhubungan.

Bangunan dibina sepanjang cerun curam kurang stabil. Dengan gegaran akibat gempa boleh menyebabkan tanah runtuh, manakala runtuhan ini menjadi penyebab utama bangunan musnah, serta penduduk terperangkap, tercedera dan terbunuh di bawah runtuhan berkenaan.

Dua perkara kami pelajari ketika terjebak dengan gempa berskala kuat ini. Pertama, ramai membuat persepsi seluruh kawasan terabit mus-

nah dan keadaan umumnya dalam bahaya.

Sebetulnya, jika diperhatikan Marrakesh selepas gempa kembali tenang dan kehidupan berjalan seperti biasa. Bangunan dibina dengan aspek kejuruteraan baik, hampir tidak terkesan, sebahagian besar hanya mengalami kerosakan kecil dan tidak membahayakan nyawa. Hanya sejumlah bangunan lama di pinggir kota runtuh menyebabkan kematian dan kecederaan.

Wartawan memberikan tumpuan kepada bangunan terjejas teruk. Selepas gempa, gerakan terdesak dan segera hanya berlaku untuk urusan 'mencari dan menyelamatkan'. Banyak sumber manusia dan aset perlu digerakkan ke kawasan terjejas teruk. Semuanya memerlukan kesegeraan, pengalaman dan keputusan tepat apabila berhadapan usaha menyelamatkan mangsa tertimbus.

Kedua, bencana berukuran begini lebih bersifat 'bencana kepada orang miskin dan mereka yang malang'. Di pusat gempa dan kawasan kurang 50 kilometer (km) diameter ialah kawasan terimpak tinggi.

Bangunan lama dan tidak diselenggara dengan sempurna mendapat kesan lebih buruk berbanding bangunan mewah dibina dengan baik. Akibatnya, ramai orang miskin dengan penempatan tidak kukuh berhadapan kemusnahan dan kematian.

Penempatan di kawasan pergunungan kedudukan lebih 50km daripada pusat gempa pula, berada di cerun pergunungan terimpak tinggi. Penduduk kawasan ini lazimnya komuniti agak miskin dan binaan rumahnya kurang sempurna. Dengan gegaran kecil sekalipun boleh menyebabkan tanah runtuh dan memusnah tempat kediaman.

Dalam konteks begini, mereka tidak mampu, tidak mempunyai keupayaan menyediakan kediaman sesuai dan selamat adalah mangsa utama bencana. Mereka tiada pilihan dan pasrah dengan risiko bencana alam. Ini pengalaman pertama kami dan amat bersyukur atas perlindungan Ilahi.

Ucapan Tahniah



Poster Aktiviti & Program



Akademi Profesor
MALAYSIA

APM Fellow Lecture Series

22 YEARS OF 'SERVANTSHIP' JOURNEY - SOME LESSONS LEARNED



**PROFESSOR (RTD) DATUK IR
DR WAHID BIN OMAR
FELOW APM**

Date: 1st of August 2023 (Tuesday)
Time: 10 am - 12 pm
Platform: ZOOM Meeting

**ZOOM
REGISTRATION**



Registration: <http://tinyurl.com/hkrkz42w>
E-CERTIFICATE WILL BE PROVIDED
LIVE ON APM YOUTUBE



OPENING REMARKS
**PROFESSOR (RTD) DR ROSE
ALINDA ALIAS**
Secretary General
Akademi Profesor Malaysia



MODERATOR
**PROFESSOR (RTD) DR MOHAMAD
KAMAL HARUN**
Chairman
Cluster of Governors, Leadership &
International Relations, APM

Organiser: Akademi Profesor Malaysia www.akademiprofesor.my akademiprofesor@gmail.com



Akademi Profesor
MALAYSIA

APM Fellow Lecture Series

MICROSCOPIC THREATS: THE SILENT IMPACT OF MICROPLASTICS AND EMERGING CONTAMINANTS ON HEALTH AND ENVIRONMENT



**PROFESSOR DR AHMAD
ZAHARIN ARIS**
APM FELLOW &
MEMBER OF ACTION TEAM
CLUSTER OF ENVIRONMENT AND
SUSTAINABILITY

Date: 12 September 2023 (Tuesday)
Time: 10 AM - 12 PM
Platform: ZOOM Meeting

**ZOOM
REGISTRATION**



Registration: <http://tinyurl.com/hkrkz42w>
E-CERTIFICATE WILL BE PROVIDED
LIVE ON APM YOUTUBE



OPENING REMARKS
**PROFESSOR (RTD) DR ROSE
ALINDA ALIAS**
Secretary General
Akademi Profesor Malaysia



MODERATOR
**PROFESSOR DATO DR ZULFIGAR
YASIN**
APM Fellow
Member of Action Team
Cluster of Environment and
Sustainability

Organiser: Akademi Profesor Malaysia www.akademiprofesor.my akademiprofesor@gmail.com

Makluman

**KONVENSYEN
AKADEMIA 2023
(KA23)**

6-7 OKTOBER 2023 (JUMAAT & SABTU)
PUTRA BUSINESS SCHOOL, UPM SERDANG

2.30 PM - 10.00 PM (JUMAAT)
8.30 AM - 12.30 PM (SABTU)

PENDAFTARAN
<https://tinyurl.com/pendaftaranKA23APM>

YURAN: AHLI - TIADA BAYARAN | BUKAN AHLI - RM150

Untuk pertanyaan lanjut, hubungi:
011-2800 5741/014-993 8651

Pengantar Bersama: PUTRA BUSINESS SCHOOL, UPM SERDANG, KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

**KONVENSYEN
AKADEMIA
2023**

PROGRAM
6 Oktober 2023 (Jumaat)
2.30 PM: Pendaftaran Peserta KA23
3.00 PM: Kata Aluan Presiden APM, YBhg. Profesor Datuk Ir. Dr. Mohd Salleh Jaafar
3.15 PM: Perjumpaan Kluster
5.00 PM: Minum petang
8.00 PM: Majlis Makan Malam & Perasmian Konvensyen Akademia 2023
7 Oktober 2023 (Sabtu)
8.30 AM: Pendaftaran
9.00 AM: Ucapan daripada YBhg. Profesor Emerita Datuk Dr Asma Ismail, Fellow Kehormat APM
9.45 AM: Rehat
10.00 AM: Pembentangan Kertas Putih & Pandirilan APM
12.30 PM: Bersurai

SABTU
7 OKTOBER 2023
MASA
2.30 - 10.00 PM (JUMAAT)
8.30 AM - 12.30 PM (SABTU)
TEMPAT
PUTRA BUSINESS SCHOOL, UPM SERDANG

PENDAFTARAN
<https://tinyurl.com/pendaftaranKA23APM>

YURAN: AHLI - TIADA BAYARAN | BUKAN AHLI - RM150

Untuk pertanyaan lanjut, hubungi:
011-2800 5741/014-993 8651

**KONVENSYEN
2023AKADEMIA**

Ucapan oleh
**PROFESOR EMERITA
DATUK DR. ASMA ISMAIL
FELOW KEHORMAT APM**

Tajuk
**NEW HORIZON FOR SCIENCE
TECHNOLOGY & INNOVATION**

7 Oktober 2023, Sabtu
9.00 AM - 9.45 AM
PUTRA BUSINESS SCHOOL, UPM SERDANG

PENDAFTARAN
<https://tinyurl.com/pendaftaranKA23APM>

**KONVENSYEN
AKADEMIA
2023**

SENARAI PEMBENTANG

PROF. DATUK DATO' DR. ISMAIL HADIM
1. Kluster Kejuruteraan & Kejuruteraan (KJKE)
PROF. DR. ROSNA ARABY HADIM
2. Kluster Pendidikan & Pembangunan Insan (KPI)
PROF. DR. CHIN TEE WHAI
3. Kluster Kejuruteraan Sosial & Perancangan Negeri (KSPN)
PROF. DATUK DATO' DR. FATHIMAH MOHAMMAD ARSHAD
4. Kluster Perindustrian & Teknologi (KPT)
PROF. DR. LIM HOE EAM
5. Kluster Ekonomi & Pembangunan Manusia (KPM)
PROF. DATUK DATO' DR. HUSNAN HUSNAN
6. Kluster Agrikultur, Keluhan & Keselamatan (KAK)

SABTU
7 OKTOBER 2023
MASA
8.30 AM - 12.30 PM
TEMPAT
PUTRA BUSINESS SCHOOL, UPM SERDANG

PENDAFTARAN
<https://tinyurl.com/pendaftaranKA23APM>

YURAN: AHLI - TIADA BAYARAN | BUKAN AHLI - RM150

Untuk pertanyaan lanjut, hubungi:
011-2800 5741/014-993 8651

**KONVENSYEN
2023AKADEMIA**

SENARAI PEMBENTANG

PROF. DATUK DATO' DR. ISMAIL HADIM
1. Kluster Kejuruteraan & Kejuruteraan (KJKE)
PROF. DR. ROSNA ARABY HADIM
2. Kluster Pendidikan & Pembangunan Insan (KPI)
PROF. DR. CHIN TEE WHAI
3. Kluster Kejuruteraan Sosial & Perancangan Negeri (KSPN)
PROF. DATUK DATO' DR. FATHIMAH MOHAMMAD ARSHAD
4. Kluster Perindustrian & Teknologi (KPT)
PROF. DR. LIM HOE EAM
5. Kluster Ekonomi & Pembangunan Manusia (KPM)
PROF. DATUK DATO' DR. HUSNAN HUSNAN
6. Kluster Agrikultur, Keluhan & Keselamatan (KAK)

SABTU
7 OKTOBER 2023
MASA
10.00 AM - 12.30 PM
TEMPAT
PUTRA BUSINESS SCHOOL, UPM SERDANG

PENDAFTARAN
<https://tinyurl.com/pendaftaranKA23APM>

YURAN: AHLI - TIADA BAYARAN | BUKAN AHLI - RM150

Untuk pertanyaan lanjut, hubungi:
011-2800 5741/014-993 8651

Keahlian APM

Status pada 30 September 2023

Jumlah Ahli = 516 orang

- Fellow Kehormat = 9 orang
- Fellow = 73 orang
- Ahli = 261 orang (Peningkatan 30.4% daripada sesi 2019/2021)
- Ahli Bersekutu = 173 orang (Peningkatan 60.2% daripada sesi 2019/2021)

Bilangan Ahli Baharu (Jul - Sep 2023)

Kategori Keahlian	Julai 2023	Ogos 2023	September 2023	Jumlah Ahli Baharu
Ahli	1	0	4	5
Ahli Bersekutu	1	0	0	1
Jumlah Ahli Baharu				6

Borang Kemaskini Profil Ahli



bit.ly/3NymmGP

Takrifan & Akronim

Bil	Program
1.	Syarahan (Pusat) (ditakrifkan sebagai perkongsian ilmu oleh seorang pembicara dan dua orang pengulas)
2.	Wacana (Pusat dan Kluster) (ditakrifkan sebagai perbincangan bagi sesuatu topik oleh satu kumpulan pakar, 2-5 orang)
3.	Sidang Meja Bulat RTD (Pusat dan Kluster) (ditakrifkan sebagai perbincangan tertutup bagi sesuatu topik oleh satu kumpulan pakar bertujuan menghasilkan kertas putih berkaitan dasar)
4.	Persidangan (Pusat dan Domain Ilmu) (ditakrifkan sebagai perkongsian bidang keilmuan/kepakaran oleh lebih daripada 5 orang)
5.	Latihan (Pusat dan Domain Ilmu) (ditakrifkan sebagai program pembelajaran dan peningkatan keilmuan oleh kumpulan pakar menghasilkan masa CPD/Sijil)
6.	Jaringan (ditakrifkan sebagai kerjasama dengan pihak berkepentingan)
7.	Penerbitan
8.	Pentadbiran Organisasi

Bil	Nama Kluster	Akronim Kluster
1.	Alam Sekitar dan Kelestarian	ASK
2.	Pendidikan dan Pembangunan Insan	PPI
3.	Kesepaduan Sosial dan Perpaduan Nasional	KSPN
4.	Perubatan dan Kesihatan	PK
5.	Keselamatan dan Pertahanan	KP
6.	Sains, Teknologi dan Inovasi	STI
7.	Pembangunan Wilayah	PW
8.	Pertanian dan Sekuriti Makanan	PSM
9.	Governans, Kepimpinan dan Hubungan Antarabangsa	GKHA
10.	Agama, Falsafah dan Ketamadunan	AFK
11.	Ekonomi dan Kesejahteraan Sosial	EKS

Sertai Kami

Sertai Kami di APM!



Akademi Profesor
MALAYSIA

Akademi Profesor Malaysia (APM) ditubuhkan pada tahun 2019 sebagai satu badan bukan kerajaan (NGO). Ia merupakan satu wadah Pemikir Negara yang menggembeng dan menyatu pemikiran strategik para profesor dan ilmunan bagi membangun masyarakat dan negara. Antara fungsinya termasuklah menjadi wadah pemikir negara dan pakar rujuk, melaksanakan penyelidikan yang bersifat *foresighting*, menganjurkan wacana bitara ilmiah, memajukan integriti akademik dan governans pendidikan negara, serta melaksanakan fungsi semak dan imbang.

Daftar Keahlian

1. Ahli Biasa: Profesor



<http://bit.do/mapmp>

2. Ahli Bersekutu: Profesor Madya



<http://bit.do/amapmp>

IKUTI KAMI DI:



Akademi Profesor Malaysia

HUBUNGI KAMI:



sua@akademiprofesor.org.my, akademiprofesor@gmail.com



011-28005741 (Pn. Nai'mah Isa)

HUBUNGI KAMI

PERTUBUHAN AKADEMI PROFESOR MALAYSIA
M-2-08, Conezion Commercial, Persiaran IRC 3,
IOI Resort City, 62502 Putrajaya.

Tel: +603-8685 4459 +6011 2800 5741

Emel1: sua@akademiprofesor.org.my

Emel2: akademiprofesor@gmail.com

<https://www.akademiprofesor.org.my/>

<https://www.facebook.com/akademiprofesormalaysia>

<https://www.youtube.com/@akademiprofesormalaysia5773>



Akademi Profesor
MALAYSIA